

Bil. S 32

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AGENSI PEKERJAAN, 2004**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran dan gelaran panjang
2. Tafsiran
3. Pelaksanaan Perintah
4. Perintah tidak dikenakan
5. Undang-undang lain tidak terjejas
6. Orang yang menjalankan agensi pekerjaan hendaklah berlesen
7. Permohonan lesen
8. Jaminan
9. Bentuk lesen
10. Syarat-syarat untuk dipenuhi bagi pemberian lesen
11. Tempoh lesen berkuat kuasa
12. Memperbaharui lesen
13. Tempat perniagaan yang dinyatakan dalam lesen
14. Mempamerkan lesen
15. Pemberitahuan mengenai perubahan orang yang bertanggungjawab atau perkongsian
16. Pemberitahuan pemberhentian perniagaan
17. Pembatalan lesen
18. Kesan pembatalan

19. Rayuan
  20. Bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan
  21. Berkongsi bayaran adalah dilarang
  22. Pengiklanan
  23. Kuasa untuk menyaman
  24. Penyelenggaraan rekod
  25. Pesuruhjaya boleh memulakan prosiding
  26. Penyata
  27. Kuasa untuk memasuki dan memeriksa premis
  28. Liabiliti pemegang lesen kerana tindakan pekerja
  29. Kuasa untuk mengeluarkan arahan
  30. Pengecualian
  31. Kesalahan pemegang lesen
  32. Kesalahan-kesalahan
  33. Peraturan-peraturan
  34. Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat
  35. Pengkompaunan
  36. Hukuman am
  37. Pindaan Penggal 93
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AGENSI PEKERJAAN, 2004**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan gelaran panjang**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Agensi Pekerjaan, 2004.  
(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk mengawal selia agensi-agensi pekerjaan”.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“pegawai yang diberi kuasa” bermakna seseorang pegawai kerajaan yang dilantik oleh Menteri di bawah ceraian (2) bab 3;

“Pesuruhjaya” bermakna Pesuruhjaya Buruh yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 3 dari Akta Buruh (Penggal 93);

“agensi pekerjaan” bermakna mana-mana agensi atau pejabat pendaftaran yang dijalankan atau diwakili sebagai dijalankan atau hendak dijalankan (sama ada bagi maksud memperoleh atau mendapatkan ganjaran atau tidak) bagi atau berkenaan dengan pekerjaan orang-orang dalam apa-apa jawatan, dan termasuk mana-mana pejabat pendaftaran yang ditubuhkan oleh seseorang majikan semata-mata untuk tujuan merekrut orang-orang untuk bekerja bagi pihaknya sendiri;

“lesen” bermakna suatu lesen yang diberikan atau diperbaharui di bawah Perintah ini;

“Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara buruh;

“penduduk tetap” bermakna seseorang yang kepadanya dikeluarkan sama ada suatu Permit Penduduk atau Permit Masuk di bawah Akta Imigresen (Penggal 17).

**Pelaksanaan Perintah**

3. (1) Pesuruhjaya Buruh adalah pegawai yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan am Perintah ini dan mana-mana Timbalan Pesuruhjaya Buruh atau Penolong Pesuruhjaya Buruh yang dilantik di bawah Akta Buruh (Penggal 93) boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, melaksanakan segala kewajipan yang dikenakan dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh Perintah ini dan setiap kewajipan yang dilaksanakan itu dan setiap kuasa yang dijalankan itu hendaklah dianggap telah dilaksanakan dan dijalankan dengan sempurna bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Menteri boleh secara bertulis melantik pegawai-pegawai kerajaan dengan kuasa sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

**Perintah tidak dikenakan**

4. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh dikenakan kepada mana-mana agensi pekerjaan yang diselenggarakan seluruhnya atau diuruskan seluruhnya oleh mana-mana jabatan Kerajaan.

**Undang-undang lain tidak terjejas**

5. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh berkuat kuasa untuk melepaskan mana-mana agensi pekerjaan dari sebarang kewajipan atau liabiliti yang dikenakan ke atasnya oleh sebarang undang-undang bertulis lain atau untuk mengehadkan sebarang kuasa yang diberikan kepada mana-mana pegawai kerajaan oleh sebarang undang-undang bertulis lain.

**Orang yang menjalankan agensi pekerjaan hendaklah berlesen**

6. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan suatu agensi pekerjaan melainkan dia adalah pemegang suatu lesen yang diberikan oleh Pesuruhjaya.

Dengan syarat bahawa tidaklah melanggar bab ini jika seseorang yang menjalankan perniagaan suatu agensi pekerjaan sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini dan yang telah memohon suatu lesen di bawah Perintah ini dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh ceraian (4) bab 7 untuk terus menjalankan perniagaan tersebut sehingga permohonan lesenya diputuskan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan dalam hal sabitan yang kedua atau yang berikutnya dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

### **Permohonan lesen**

7. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah membuat permohonan kepada Pesuruhjaya dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan.

(2) Selepas menerima permohonan di bawah ceraian (1), Pesuruhjaya hendaklah mempertimbangkan permohonan itu dan boleh memberikan suatu lesen setelah bayaran yang ditetapkan dibayar dan dengan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukannya atau boleh enggan memberikan suatu lesen.

(3) Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan apa-apa syarat lesen yang sedia ada atau mengenakan syarat-syarat yang baru.

(4) Tiap-tiap orang yang menjalankan perniagaan suatu agensi pekerjaan sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya bagi suatu lesen dalam tempoh satu bulan dari permulaan kuat kuasa tersebut, dan mana-mana orang yang gagal berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

### **Jaminan**

8. (1) Pesuruhjaya boleh, sebelum memberikan suatu lesen, menghendaki pemohon untuk memberikan jaminan sebagaimana yang mungkin ditentukannya.

(2) Apa-apa jumlah wang yang dimasukkan di bawah bab ini boleh dilucut hak seluruhnya atau sebahagiannya atas budi bicara Pesuruhjaya semasa pembatalan lesen itu di bawah bab 17.

### **Bentuk lesen**

9. Setiap lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan.

### **Syarat-syarat untuk dipenuhi bagi pemberian lesen**

10. Lesen untuk menjalankan perniagaan suatu agensi pekerjaan tidak boleh diberikan melainkan —

(a) jika perniagaan itu akan dijalankan oleh individu, dia adalah rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam;

(b) jika perniagaan itu akan dijalankan oleh suatu perkongsian, rakan kongsi itu adalah rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam;

(c) jika perniagaan itu dijalankan oleh suatu badan korporat, kesemua syer modal badan korporat itu dipegang oleh rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam;

(d) orang yang bertanggungjawab dan setiap pekerja atau ejen yang kewajipannya berkenaan dengan perniagaan tersebut —

- (i) adalah seseorang yang memiliki perwatakan baik;
- (ii) bukan seseorang bankrap yang belum lepas; dan
- (iii) tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan dan dihukum denda lebih dari \$2,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh lebih dari satu tahun bagi apa-apa kesalahan;

(e) terdapat premis yang sesuai untuk menjalankan perniagaan tersebut;

(f) individu yang, atau perkongsian atau badan korporat yang, akan menjalankan perniagaan tersebut mengakujanji bahawa perniagaan itu akan dijalankan dengan cara bermoral dan tiada cacat cela; dan

(g) syarat-syarat lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan bagi maksud bab ini telah dipenuhi.

#### **Tempoh lesen berkuat kuasa**

11. Melainkan jika dibatalkan di bawah bab 17, suatu lesen hendaklah terus berkuat kuasa selama 2 tahun dari tarikh lesen itu diberikan.

#### **Memperbaharui lesen**

12. Permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dibuat kepada Pesuruhjaya setelah bayaran yang ditetapkan dibayar sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh dan dalam borang yang ditetapkan.

#### **Tempat perniagaan yang dinyatakan dalam lesen**

13. Setiap pemegang lesen hanya boleh menjalankan perniagaannya di tempat yang dinyatakan dalam lesen itu dan tidak boleh mengubah tempat perniagaannya itu atau mendirikan perniagaan di tempat lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pesuruhjaya.

#### **Mempamerkan lesen**

14. Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesenya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis di mana perniagaan itu dijalankan.

**Pemberitahuan mengenai perubahan orang yang bertanggungjawab atau perkongsian**

15. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah, dalam masa 14 hari selepas apa-apa perubahan terhadap orang yang bertanggungjawab, memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis mengenai butir-butir lengkap perubahan tersebut.

(2) Jika pemegang lesen itu adalah suatu perkongsian, ia hendaklah, dalam masa 14 hari selepas apa-apa perubahan perkongsian itu, memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis mengenai butir-butir lengkap perubahan tersebut.

**Pemberitahuan pemberhentian perniagaan**

16. (1) Apabila suatu agensi pekerjaan berhenti dari menjalankan perniagaan, pemegang lesen hendaklah dalam masa 14 hari dari pemberhentian itu —

- (a) memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis; dan
- (b) menyerahkan lesennya kepada Pesuruhjaya.

(2) Selepas menerima pemberitahuan dan lesen di bawah ceraian (1), Pesuruhjaya hendaklah membatalkan lesen itu dengan segera.

**Pembatalan lesen**

17. (1) Pesuruhjaya boleh membatalkan suatu lesen jika dia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu —

- (a) melanggar atau telah melanggar sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang Peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) gagal mematuhi sebarang peruntukan lesennya atau sebarang syarat lesennya;
- (c) telah menjalankan atau sedang menjalankan suatu agensi pekerjaan dengan cara yang mungkin menjelaskan kepentingan kliennya; atau
- (d) telah berhenti dari menjalankan suatu agensi pekerjaan yang dia telah dilesenkan atau, jika pemegang lesen itu adalah suatu badan korporat, sedang dalam likuidasi, digulung atau selainnya dibubarkan.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, sebelum membatalkan mana-mana lesen di bawah ceraian (1), memberi pemegang lesen notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian, dengan menyatakan tarikh, tidak kurang dari 21 hari selepas tarikh notis itu, yang selepasnya pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa dan memanggil pemegang lesen itu untuk menunjukkan sebab kepada Pesuruhjaya mengapa lesen itu tidak boleh dibatalkan.

(3) Apabila Pesuruhjaya telah membatalkan suatu lesen di bawah ceraian (1), dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemegang lesen dengan notis secara bertulis mengenai pembatalan itu.

(4) Suatu perintah pembatalan tidaklah boleh berkuat kuasa sehingga tamat tempoh 14 hari selepas perintah itu disampaikan kepada pemegang lesen.

(5) Jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam ceraian (4) pemegang lesen memberikan notis rayuan yang sewajarnya kepada Menteri, perintah pembatalan itu tidaklah boleh berkuat kuasa sehingga ia disahkan oleh Menteri atau rayuan itu ditarik balik.

#### **Kesan pembatalan**

18. (1) Jika suatu perintah pembatalan telah berkuat kuasa di bawah bab 17, pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta berhenti dari menjalankan agensi pekerjaan itu.

(2) Ceraian (1) tidaklah boleh menjaskannya penguatkuasaan oleh mana-mana orang apa-apa hak atau tuntutan terhadap pemegang lesen atau oleh pemegang lesen apa-apa hak atau tuntutan terhadap mana-mana orang yang timbul dari atau berkenaan dengan apa-apa perkara atau hal yang dilakukan sebelum pembatalan lesen itu.

(3) Pembayaran balik bayaran lesen tidak boleh dibuat jika lesen yang berkaitan dengannya bayaran itu dibuat telah dibatalkan.

#### **Rayuan**

19. Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Pesuruhjaya untuk memberikan suatu lesen atau dengan keputusan Pesuruhjaya untuk membatalkan suatu lesen boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh notis keengganan atau pembatalan itu diterima, merayu secara bertulis kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

#### **Bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan**

20. Pemegang lesen tidak boleh mengenakan bayaran atau menerima sebarang bentuk bayaran, ganjaran, keuntungan atau ganti rugi selain dari yang diperuntukkan dalam Perintah ini atau dalam sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

#### **Berkongsi bayaran adalah dilarang**

21. Pemegang lesen tidak boleh berkongsi bayaran yang dikenakan olehnya dengan kontraktor atau ejen kontraktor yang kepada mereka pemohon pekerjaan dihantar untuk bekerja.

## Pengiklanan

22. (1) Agensi pekerjaan tidak boleh mengiklankan melainkan jika iklan itu mengandungi —

(a) nombor lesen; dan

(b) maklumat yang betul berhubung dengan kekosongan, kelayakan dan terma dan syarat pekerjaan.

(2) Mana-mana agensi pekerjaan hendaklah memberikan salinan iklan itu kepada Pesuruhjaya.

(3) Mana-mana agensi pekerjaan yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

## Kuasa untuk menyaman

23. (1) Bagi maksud mengadakan siasatan di bawah bab 25 dan menyiasat dakwaan kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, Pesuruhjaya boleh memanggil ke hadapannya pemegang lesen atau mana-mana orang yang dianggapnya boleh memberikan maklumat mengenai hal ehwal suatu agensi pekerjaan dan Pesuruhjaya boleh menghendaki pemegang lesen atau orang itu untuk mengemukakan apa-apa dokumen dalam jagaan atau kuasanya berhubung dengan agensi pekerjaan itu.

(2) Pesuruhjaya boleh memeriksa dengan mengangkat sumpah, sama ada secara lisan atau secara soal siasat bertulis, mana-mana orang yang disaman untuk hadir ke hadapannya di bawah ceraian (1).

(3) Orang yang disaman hendaklah terikat untuk hadir pada masa dan tempat yang disebut dalam saman itu dan hendaklah terikat untuk menjawab dengan jujur semua soalan yang diberikan kepadanya oleh Pesuruhjaya dan hendaklah mengemukakan semua dokumen yang dikehendaki untuk dikemukakan olehnya.

(4) Suatu jawapan yang seseorang itu terikat di sisi undang-undang untuk memberikannya di bawah ceraian (3) tidak boleh dibuktikan terhadapnya dalam sebarang prosiding jenayah kecuali dalam suatu pendakwaan kerana memberikan keterangan palsu dengan jawapan tersebut.

(5) Mana-mana orang yang gagal mematuhi ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak

melebihi \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Penyelenggaraan rekod**

24. (1) Setiap agensi pekerjaan hendaklah menyelenggarakan dalam bentuk yang ditetapkan —

- (a) rekod pendaftaran yang menunjukkan nama, alamat, nombor kad pengenalan dan kelayakan pekerja;
- (b) rekod kekosongan dan segala aspek yang berhubung dengan kekosongan itu, bilangan kekosongan, kelayakan calon yang dikehendaki, nama dan alamat majikan yang memberitahu kekosongan itu, tempat pekerjaan di mana kekosongan itu ada dan terma dan syarat pekerjaan;
- (c) rekod penempatan pekerja;
- (d) rekod bayaran yang dipungut; dan
- (e) apa-apa rekod lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(2) Rekod-rekod tersebut hendaklah disimpan oleh pemegang lesen dan hendaklah tersedia untuk pemeriksaan sekurang-kurangnya untuk 4 tahun dari rekod itu dibuat.

**Pesuruhjaya boleh memulakan prosiding**

25. Jika selepas siasatan, sama ada selepas suatu dakwaan kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau selainnya, Pesuruhjaya berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dilakukan atau bahawa aduan itu adalah berasas, dia boleh memulakan prosiding sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu.

**Penyata**

26. Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa dengan arahan bertulis menghendaki suatu agensi pekerjaan untuk menghantar kepadanya dengan cara dan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam arahan tersebut —

- (a) suatu penyata berhubung dengan mana-mana atau kesemua rekod yang dikehendaki untuk diselenggarakan di bawah bab 24;
- (b) suatu pemberitahuan perubahan mana-mana orang yang bertanggungjawab atau diambil bekerja oleh atau sebagai ejen bagi agensi pekerjaan;

(c) suatu pernyataan yang mengandungi sebarang butir lain sebagaimana yang mungkin dikehendakinya berhubung dengan perniagaan agensi pekerjaan itu; dan

(d) maklumat bertulis atau keterangan bertulis sebagaimana yang mungkin dikehendakinya berkaitan dengan sebarang butir yang dinyatakan dalam mana-mana pernyataan yang dihantar oleh agensi pekerjaan tersebut.

**Kuasa untuk memasuki dan memeriksa premis**

27. (1) Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa yang munasabah dan tanpa memberi notis terlebih dahulu, memasuki dan memeriksa mana-mana agensi pekerjaan atau mana-mana premis yang disyaki dengan munasabah telah digunakan bagi maksud suatu agensi pekerjaan, dan memeriksa semua rekod yang dikehendaki untuk diselenggarakan di bawah bab 24 dan semua buku dan dokumen lain yang didapati dalam premis itu, yang mungkin pada pendapatnya sebagai harta atau telah digunakan bagi maksud suatu agensi pekerjaan dan memindahkannya untuk pemeriksaan lanjut.

(2) Semasa menjalankan suatu pemeriksaan di bawah bab ini, Pesuruhjaya boleh —

(a) mengajukan soalan-soalan berkenaan dengan perniagaan agensi pekerjaan itu kepada orang yang bertanggungjawab kepada agensi tersebut dan kepada mana-mana orang lain yang keterangannya mungkin dianggap perlu oleh Pesuruhjaya, dan semua orang tersebut hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan tersebut dengan jujur sejauh mana yang mereka mampu;

(b) menghendaki orang yang bertanggungjawab kepada agensi itu untuk mengemukakan kepadanya kesemua atau mana-mana rekod yang dikehendaki untuk disimpan di bawah Perintah ini;

(c) merampas atau membuat salinan mana-mana rekod yang dikemukakan kepadanya di bawah perenggan (b);

(d) merampas mana-mana rekod atau dokumen lain dalam premis agensi tersebut atau dalam milikan mana-mana orang yang dijumpai dalam premis tersebut jika Pesuruhjaya percaya bahawa suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan.

(3) Mana-mana orang boleh enggan mematuhi apa-apa permintaan atau perintah oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa yang bertindak atau yang dikatakan bertindak di bawah Perintah ini jika pegawai itu enggan memenuhi permintaan untuk mengisyiharkan identitinya atau untuk mengemukakan autoritinya.

(4) Mana-mana orang yang menghalang atau mengganggu Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dalam menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan yang diberikan di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Bagi maksud bab ini, Pesuruhjaya dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa penyiasatan yang sama seperti pegawai polis di bawah Penggal XIII dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

#### **Liabiliti pemegang lesen kerana tindakan pekerja**

28. Apabila mana-mana pemegang lesen bertanggungan di bawah peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya kepada apa-apa denda kerana apa-apa tindakan, peninggalan, kecuaian atau keingkaran, dia hendaklah bertanggungan kepada denda yang sama kerana setiap tindakan, peninggalan, kecuaian atau keingkaran yang serupa, bagi mana-mana ejen atau pekerja yang digaji olehnya semasa mengendalikan agensi pekerjaan yang berkaitan dengan lesen yang dipegangnya.

#### **Kuasa untuk mengeluarkan arahan**

29. Pesuruhjaya boleh mengeluarkan kepada mana-mana agensi pekerjaan arahan sebagaimana yang mungkin difikirkannya perlu bagi tujuan memastikan bahawa agensi itu dijalankan menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini, dan mana-mana agensi yang kepadanya apa-apa arahan tersebut dikeluarkan hendaklah mematuhi dalam masa sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya.

#### **Pengecualian**

30. Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan mana-mana agensi pekerjaan dan apa-apa perdagangan, profesion atau pekerjaan dari kesemua atau dari mana-mana peruntukan Perintah ini sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan, dan boleh, pada bila-bila masa, membatalkan sebarang pengecualian itu atau membatalkan, mengubah atau menambah apa-apa syarat tersebut.

#### **Kesalahan pemegang lesen**

31. Mana-mana pemegang lesen yang —

*/a/* mengenakan bayaran atau menerima sendiri atau melalui orang lain, untuk perkhidmatannya, sebarang jumlah wang yang lebih besar dari bayaran yang ditetapkan;

*/b/* dengan mengetahui dan dengan sengaja memperdayakan mana-mana orang dengan memberikan maklumat yang salah;

(c) menghasut atau mendorong mana-mana orang untuk tidak menerima ke dalam perkhidmatannya mana-mana pekerja yang tidak memohon pekerjaan, kerja atau jawatan melalui agensi pekerjaannya;

(d) menempatkan atau berusaha untuk menempatkan mana-mana orang dalam sebarang pekerjaan yang memudaratkan kepentingan awam;

(e) dengan sengaja menghantar, mengarahkan atau membawa mana-mana orang ke mana-mana tempat untuk tujuan tidak bermoral atau ke suatu tempat di mana orang itu berkemungkinan dirosakkan dari segi moral, atau

(f) meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan atau yang cuba atau dikatakan untuk meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan lesennya kepada mana-mana orang lain,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### **Kesalahan-kesalahan**

32. Setiap orang yang —

(a) bukan menjadi pemegang lesen, menggunakan suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya;

(b) membuat atau memberikan sebarang permohonan, penyata, maklumat bertulis atau penerangan bertulis yang mengandungi sebarang butir yang pada pengetahuannya adalah salah atau tidak tepat dalam sebarang butir penting; atau

(c) menjadi pemegang lesen, gagal mematuhi sebarang peruntukan lesenya atau sebarang syarat lesenya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dan berkaitan dengan kesalahan yang kedua atau berikutnya dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

#### **Peraturan-peraturan**

33. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau wajar untuk menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa perkara lain

yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Perintah ini dan bagi pelaksanaan yang seujarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk apa-apa peruntukan yang bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang mungkin dianggap perlu atau wajar oleh Menteri.

**Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat**

34. Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian pada pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa bagi badan korporat itu, atau seseorang yang dikatakan bertindak dalam mana-mana jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh dibicarakan dan dihukum dengan seujarnya.

**Pengkompaunan**

35. Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh atas budi bicaranya mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap bab-bab 13, 14, 15, 16, 21, 22 dan 24, atau terhadap peruntukan lain dari Perintah ini atau dari mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebagai suatu kesalahan oleh peraturan yang dibuat dibawah bab 33 yang mungkin boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan yang sama suatu jumlah wang tidak melebihi \$600.

**Hukuman am**

36. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dari Perintah ini (kecuali bab 12 atau bab 22(2)) yang hukumannya tidak diperuntukkan adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Pindaan Penggal 93**

37. Akta Buruh adalah dipinda —

- (a) dalam bab 2, dengan memotong takrifan “worker-recruiter”;
- (b) dengan memansuhkan bab 47;
- (c) dengan memansuhkan bab 53.

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 20 haribulan Disember, 2004 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**